

► Menulis

Baca dan fahami maklumat yang diberikan. Tulis dan lengkapkan maklumat dalam petikan dengan betulnya dan tepatnya. SP 3.3.1

CARA-CARA MENJAGA PERSEKITARAN RUMAH



Membersihkan kawasan persekitaran rumah



Mengawal pembiakan nyamuk Aedes



Menghias rumah dengan menanam pokok dan bunga

Kawasan persekitaran rumah mestilah dijaga dengan rapinya. Dengan menjaga persekitaran rumah, kita dapat memastikan setiap ahli keluarga hidup dengan selamatnya dan cerianya.

Antara cara menjaga persekitaran rumah termasuklah (1) _____

Kita boleh membersihkan kawasan rumah dengan mencantas dahan-dahan dan ranting-ranting pokok yang menyebabkan sesebuah kawasan menjadi semak. Rumput-rumput yang panjang mestilah ditebas juga.

Selain itu, kita mestilah membuat tindakan (2) _____

_____ di sekitar rumah supaya wabak denggi dapat dihindarkan. Hal ini dikatakan demikian kerana nyamuk Aedes mudah membiak dalam bekas-bekas yang mempunyai takungan air. Oleh hal yang demikian, kita perlu membuat langkah awal agar keluarga tidak diserang demam denggi dan dapat hidup dengan sihatnya.

Di samping itu, kita juga perlu peka terhadap kebersihan dan koceriaan kawasan persekitaran kediaman. Oleh itu, kita boleh

(3) _____ bagi mencantikkan kawasan persekitaran rumah. Kawasan rumah semestinya akan kelihatan cantik dan tenang apabila dipandang.



Kamus Mini

1. persekitaran – kawasan di sekeliling sesuatu tempat, kawasan sekitar
2. mencantas – memangkas (pohon, dahan)
3. denggi – penyakit virus yang berjangkit melalui gigitan oleh nyamuk Aedes
4. Aedes – sejenis nyamuk yang membiak di dalam air bertakung yang menjadi pembawa penyakit demam denggi
5. menanam – menaruh (menaruh, menabur, dan lain-lain) benih ke dalam tanah supaya tumbuh